

Headline	Teruskan agenda kesejahteraan, kemakmuran rakyat		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	04 Mar 2020	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	11	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	488 cm ²
Journalist	Prof Madya Dr Ahmad Zubir Ibrahim	AdValue	RM 16,221
Frequency	Daily	PR Value	RM 48,664



Teruskan agenda kesejahteraan, kemakmuran rakyat



Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 yang dibentangkan Khamis lalu, bertunjangan tiga strategi utama iaitu menangani impak COVID-19, memangkin pertumbuhan berteraskan rakyat dan menggalakkan pelaburan berkualiti.

Tema dipilih - Memperkukuhkan Keyakinan, Merangsang Pertumbuhan, Melindungi Pekerjaan - diyakini menjadi pemangkin strategi jangka pendek ini untuk merencanakan kembali pertumbuhan ekonomi negara dengan lebih komprehensif.

Sejumlah RM20 bilion disuntik kerajaan mampu merangsang dan merencanakan kembali pertumbuhan mana-mana sektor terjejas susulan penularan COVID-19, kepada semua sektor, khususnya berkaitan kelompok B40.

Contohnya, bayaran anuran Bantuan Sara Hidup (BSH) RM200 yang sepatutnya dibayar Mei ini, diumumkan akan dipercepatkan pembayarannya pada bulan ini.

Langkah ini mampu merang-

sang dan merencanakan kembali permintaan domestik dalam kalangan B40. Mungkin ada mengangap ia tidak memberi apa-apa kesan, tetapi golongan ini berasakan ia sebagai rahmat dan rezeki.

Pemberian BSH yang diawalkan akan mempertingkatkan kuasa beli B40 untuk menyelesaikan pelbagai bayaran tertangguh seperti bil utiliti, yuran pengajian anak serta bayaran hutang kedai runcit. Penerima turut mendapat bayaran tambahan RM100 pada Mei ini, selain RM50 disalurkan melalui e-tunai.

Namun, timbul kebimbangan mengenai pelaksanaan e-tunai dalam kalangan B40 khususnya di luar bandar kerana rata-rata ialah petani, penternak dan nelayan yang menginjak usia emas. Keupayaan mengakses serta mengaplikasi kemudahan teknologi sepenuhnya dalam kehidupan seharian agak terbatas.

Dalam konteks sebegini, agak sukar untuk mengimplementasi kemudahan e-tunai tanpa sokongan kemudahan teknologi melalui telefon pintar dimiliki. Justeru, kerajaan perlu mewujudkan mekanisme yang dapat membantu mereka dalam penggunaan e-tunai secara berkesan.

Kita tidak mahu hak mereka dinafi untuk menikmati limpahan pembangunan negara, seandainya tiada mekanisme dan sokongan teknologi bagi membantu B40 se-

cara kolektif dalam soal ini.

Kerajaan juga prihatin kepada penghidupan rakyat, terutama golongan B40 berkecimpung dalam sektor pertanian sebagai sumber pendapatan utama. Golongan ini dianggap nadi pengeluaran makanan negara. Kenaikan harga input pertanian, kos sara hidup serta perubahan cuaca tidak mementu menjadi antara kemudahan-terancangan yang sering dihadapi golongan ini.

Situasi ini secara tidak langsung memberi kesan kepada hasil pengeluaran, sekali gus menjejaskan sumber pendapatan. Menyedari keperitan golongan ini, kerajaan mengumumkan pelaksanaan Tabung AgroFood di bawah Bank Negara Malaysia (BNM) sebanyak RM1 bilion.

Pelaksanaan tabung ini bukan hanya untuk menggalak dan me-

rangsang aktiviti pengeluaran makanan bagi memenuhi keperluan domestik serta eksport, malah mencakupi hasrat meningkatkan pendapatan golongan B40 yang terabait dalam sektor ini, sekali gus mengurangkan kos sara hidup.

Petani, peladang dan penternak yang terabait dalam pengeluaran makanan negara harus merebut peluang ini bagi mempertingkatkan hasil pengeluaran, sekali gus berupaya meningkatkan hasil penghidupan.

Agensi kerajaan seperti Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan Jabatan Pertanian harus mengambil inisiatif mengenal pasti golongan petani, peladang dan penternak berpotensi supaya dapat menikmati kesan limpahan di atas pelaksanaan tabung itu.

Namun, proses permohonan tabung perlu dipermudah dan mempunyai akauntabiliti tinggi bagi memastikan pengalihan sumber dana mencakupi pelbagai bidang dan pihak secara komprehensif serta kondusif.

Bagi memastikan jaminan keselamatan makanan rakyat dan secara berterusan pada harga rendah, pakej ini turut memperuntukkan RM10 juta kepada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bagi menyediakan kemudahan simpanan makanan dengan hasrat agar harga dapat dikurangkan.

Inisiatif ini menjelaskan kera-

jaan menekankan kebijakan rakyat khususnya golongan B40 untuk mendapat makanan tanpa sebarang sekatan dengan kadar harga mampu diperoleh.

Dalam konteks menyediakan kemudahan simpanan bekalan makanan secara berterusan, FAMA berkemampuan menjalinkan hubungan secara langsung dengan agensi kerajaan yang bertindak sebagai pengeluar makanan.

PPK sebagai contoh, dilihat antara agensi terabait secara langsung dan pemangkin kepada pengeluaran makanan negara. Keterbaitan dan sokongan antara agensi khususnya memastikan bekalan makanan terjamin sepanjang masa perlu diperkukuhkan melalui pelbagai bentuk rantaian program dan hubungan kerjasama lebih komprehensif serta berupaya memberi faedah kepada kedua-dua belah pihak.

Dengan pelantikan Perdana Menteri ke-8, Tan Sri Muhyiddin Yassin, diyakini pelbagai pembaharuan dan transformasi bakal dilakukan bagi memastikan kesejahteraan rakyat khususnya golongan B40.

Pada masa sama, saf kepimpinan Muhyiddin perlu mempunyai aspirasi jelas dan holistik bagi meletakkan agenda kemakmuran dan kesejahteraan rakyat sebagai sasaran utama dalam pembangunan negara.

Kita tidak mahu hak mereka dinafi untuk menikmati limpahan pembangunan negara, seandainya tiada mekanisme dan sokongan teknologi bagi membantu B40 secara kolektif.